

19/09/1999

Waspada ulama jual air jampi

Syed Akbar Ali

PERDANA Menteri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata bahawa tidak ada universiti di dunia ini yang boleh anugerahkan sijil `ulama' kepada sesiapa pun. Ini memang benar. Tiada ada sesiapa pun, termasuk Universiti Al Azhar atau Universiti Islam Antarabangsa, yang boleh mentauliahkan sesiapa pun sebagai ulama. Begitu juga tidak ada sebarang jawatan yang membawa gelaran `ulama'. Kita hormati jawatan kadi, mufti dan sebagainya tetapi `ulama' itu hanya gelaran dan tidak menentukan apa-apa pun. Dari segi undang-undang (Islam atau sivil) kita tidak boleh saman malu sesiapa pun atas tuduhan mencaci atau memalukan `ulama' sebab kita tidak boleh kenal pasti siapa itu ulama. Seseorang boleh mengaku ulama untuk keseronokan diri saja - tetapi dia tidak mempunyai `locus standi' atau kesahihan dari segi undang-undang sebagai ulama.

Perkataan `alim' dalam al-Quran membawa maksud orang yang berilmu atau berpengetahuan. `Ulama' pula ialah jamak (plural) untuk perkataan alim. Dalam al-Quran terdapat perkataan alim, alima, a'lam, allama, ya'lamu, i'lam, yu'lamu, `ilm dan ma'lum. Perkataan `alim' tidak khusus kepada orang yang pakar dalam agama. Misalnya orang yang pandai dalam sihir pun disebut sebagai alim: "Nescaya mereka akan mendatangkan semua ahli sihir yang alim (sahrin aliim) kepadamu." (Surah 26: 37).

Ayat ini merujuk kepada ulama sihir Firaun yang melawan Nabi Musa. Dalam Surah Asyura pula disebut mengenai cerdik pandai Yahudi: "Dan apakah tidak cukup menjadi bukti bagi mereka bahawa ulama Bani Israel mengetahuinya (Quran)." (Surah 26: 197).

Ayat ini merujuk kepada cerdik pandai Yahudi yang tahu mengenai al-Quran. Ayat yang berikut pula mengatakan orang yang berilmu itu takut kepada Allah, "Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut Allah daripada kalangan hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu (ulama)." (Surah 35: 28).

Untuk mereka yang pandai dalam agama pula al-Quran menggunakan beberapa perkataan yang khusus. Antaranya ialah habar rabbaniyun dan qissis, Rabbaniyun lazimnya merujuk kepada rahib agama Yahudi (rabbi) manakala `qissi' merujuk kepada paderi kaum Nasrani. Habar pula maksudnya ialah pendeta agama.

Sila perhatikan ayat yang berikut:

"Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab Taurat di dalamnya petunjuk dan cahaya, yang dengan Kitab itu diputuskan perkara orang Yahudi oleh Nabi yang menyerah diri kepada Allah, oleh rabbaniyun mereka (rahib Yahudi) dan habar mereka (pendeta-pendeta), disebabkan mereka diperintahkan memelihara kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya." (Surah 5: 44).

Di sini pendeta agama (habar) turut diperintah memelihara kitab Allah. Kalimah Arab `ulama' tidak timbul dalam ayat ini: "Mengapa rabbaniyun (rahib) dan habar (pendeta) mereka tidak melarang mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram? Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka kerjakan itu." (Surah 5: 63).

Perkataan habar juga digunakan untuk pendeta agama dalam ayat berikut: "Mereka menjadikan habar (pendeta) dan ruhbanahum (rahib mereka) sebagai tuhan selain daripada Allah." (Surah 9: 31).

Malang sekali hingga hari ini pun sebahagian orang meletakkan habar atau pendeta agama pada tahap autoriti yang sangat tinggi seolah-olah mempertuhan-kan mereka. Sepatutnya orang seperti ini perlu menukar cogan kata `Menyokong Pimpinan Ulama' kepada `Menyokong Pimpinan Habar'.

Di negara kita ada orang yang terkenal sebagai `ulama' yang mengaku

boleh jampi air untuk mengubati beberapa jenis penyakit termasuk penyakit 'gagal dalam peperiksaan'. Banyak orang juga percaya 'ulama' seperti ini boleh membela jin macam cerita dongeng Aladin dan jin dalam botol. Sebenarnya orang seperti ini tidak lain daripada ahli sihir penipu. Mereka suka digelar 'ulama' supaya lebih mudah bagi mereka menjadi kaya dengan menjual air jampi.

Sepatutnya mereka perlu membetulkan beberapa perselisihan dulu. Jika mereka ingin diakui sebagai orang yang pakar dalam 'jampi air', bela jin botol dan sebagainya mereka patut digelar 'ulama sihir' (sahrin aliim), iaitu orang yang alim dalam sihir. Mengikut al-Quran inilah gelaran yang patut diberi kepada mereka yang suka main sihir. Dalam cerita Nabi Musa walaupun ulama-ulama sihir Firaun dipercayai alim dalam menjampi dan memukau, mereka sebenarnya adalah penipu.

"Dan lemparkan apa yang ada di tangan kananmu (Musa), nescaya ia akan menelan apa yang mereka perbuat." "Sesungguhnya apa yang mereka perbuat itu adalah tipu daya tukang sihir. Dan tidak akan menang tukang sihir itu, dari mana saja ia datang." (Surah 20: 69).

Mengikut al-Quran, tukang sihir tidak akan berjaya, dari mana saja mereka datang, termasuk mereka yang memakai topeng 'ulama'. Orang yang mengaku pandai jampi, bela jin dan sebagainya adalah penipu. Mereka tidak akan berjaya.

Seperti juga syaitan dan iblis, jin itu diakui sebagai makhluk halus iaitu penghuni alam ghaib. Selain daripada rasul-rasul tertentu yang diizinkan Allah, tidak ada sesiapa pun dari kalangan manusia yang boleh lihat benda yang ghaib. Al-Quran menjelaskannya:

"Dan Allah sekali-kali tidak akan memperlihatkan kepada kamu hal-hal yang ghaib akan tetapi Allah memilih siapa dikehendaki-Nya di antara rasul-rasul-Nya. Kerana itu berimanlah kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, dan jika kamu beriman dan bertakwa, maka bagi kamu ganjaran yang besar." (Surah 3: 179)

Nabi Muhammad sendiri tidak tahu mengenai benda-benda yang ghaib. Sila perhatikan: "Katakanlah (Muhammad) "Aku tidak mengatakan kepadamu bahawa perbendaharaan Allah ada padaku, dan tidak aku mengetahui yang ghaib (wa laa a'lamul ghaibi)." (Surah 6: 50).

Dalam al-Quran cuma Nabi Sulaiman dikurniakan izin Allah untuk berurusan dengan jin. Semua manusia lain termasuk Nabi Muhamad tidak tahu mengenai perkara ghaib. Oleh yang demikian dakwaan seorang habar tempatan bahawa dia pernah imamkan jin dalam sembahyang, bahawa dia boleh seru jin dan sebagainya adalah bohong. Malang sekali banyak tokoh korporat, pegawai tinggi kerajaan dan habar-habar agama percayai ulama sihir (sahrin aliim) ini, sehingga ada yang sanggup keluarkan 'derma ikhlas' yang cukup untuk membuat bangunan yang besar untuk ulama sihir itu.

Bagi mereka yang ingin juga untuk berfoya-foya dengan sihir, jampi, benda-benda ghaib dan sebagainya al-Quran memperingati mereka: "Dan mereka mengetahui bahawa sesungguhnya sesiapa yang memilih sihir itu tidaklah lagi mendapat bahagian yang baik di akhirat." (Surah 2: 102)

Jadi ulama-ulama sihir dalam negara kita yang menipu orang dengan air jampi, mengetuk paku untuk menghilangkan sakit gigi, silat melawan makhluk halus, meminta pertolongan jin dan sebagainya, sebenarnya mereka faham akan perbuatan mereka yang berdosa itu. Tetapi oleh kerana masyarakat kita sudi memberi pangkat kepada ulama-ulama sihir ini (termasuk ijazah universiti) dan juga kerana mereka meraih kekayaan yang lumayan (kereta Mercedes, telefon bimbit, rumah banglo dan sebagainya) daripada kegiatan sihir, maka mereka rela gadaikan bahagian yang baik di akhirat.

Mereka rela menjadi kaya dengan menjual ayat-ayat Quran untuk menjampi air. Mereka tidak pedulikan amaran al-Quran: "dan janganlah kamu menjual ayat-ayat-Ku dengan harga yang sedikit (kerana rasuah, pangkat dan lain-

lain keuntungan dunia)." (Surah 5: 44)

Ada pula di kalangan mereka yang cuba halalkan kegiatan sihir dengan menggunakan helah bahawa sihir mereka dibenarkan oleh al-Quran. Mereka cuba 'Islamkan' sihir mereka dengan merujuk kepada ayat Quran, terutama sekali ayat-ayat berkenaan dengan air hujan dan kisah Nabi Ayub. Sebenarnya kisah nabi Ayub adalah seperti berikut:

"Dan ingatlah akan hamba Kami Ayub ketika ia menyeru Tuhannya
"Sesungguhnya aku diganggu syaitan dengan kepayahan dan keseksaan." (Allah berfirman) "Hentaklah kakimu pada bumi, inilah air yang sejuk untuk mandi dan untuk minum." (Surah 38: 41-41)

Di sini ianya tidak tersebut bahawa Nabi Ayub menjampi air atau pun meminta air daripada Tuhan. Nabi Ayub cuma minta pertolongan Tuhan. Allah kurniakan air dari dalam tanah kepada Nabi Ayub untuk mandi dan minum. Begitu juga apabila setengah orang berdoa untuk disembuhkan penyakit, Allah izinkan mereka sampai ke Australia untuk mendapat rawatan khas. Mereka tidak lagi mencari air jampi atau hentak kaki pada bumi.

Satu perbezaan besar antara Islam dan agama lain ialah ketiadaan kaum paderi atau kaum sami yang khusus untuk menentukan hal-hal agama. Malang sekali penyakit sami dan paderi ini sudah menjangkiti orang Islam juga. Di Iran misalnya, ianya sudah wajib bahawa hanya kaum ayatollah boleh memimpin negara itu. Dalam negara kita pun sudah ada suara yang mengatakan hanya kaum habar layak menjadi perdana menteri. Perlu kita ingat bahawa Nabi Muhammad diutuskan kepada umat manusia juga untuk memecahkan belenggu-belenggu yang diwujudkan oleh kaum-kaum sami. Kalau kita ingin menjadi pewarisnya jangan pula kita hendak membeleng-gukan kembali umat nabi.

(END)